



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PEGAWAI KANAN TENAGA ASEAN TERUS MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DAN PERALIHAN TENAGA BERSIH MENJELANG AMEM-43

Kuala Lumpur, 15 Oktober 2025 — Hari kedua mesyuarat persediaan sebelum berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43 (AMEM) menampilkan dua mesyuarat persediaan yang melibatkan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu:

1. Mesyuarat Pasukan Petugas Kerjasama Tenaga Sidang Kemuncak Asia Timur (*East Asia Summit Energy Cooperation Task Force – EAS ECTF*) bagi memuktamadkan cadangan hala tuju dan dasar untuk dipertimbang dan diluluskan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga Sidang Kemuncak Asia Timur ke-19 (19th *East Asia Summit – Energy Ministers Meeting - EAS EMM*); dan
2. Mesyuarat Persediaan di Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan Tenaga ASEAN+3 (*SOME +3*) bagi pertimbangan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN +3 ke-22 (22nd *AMEM+3*).

Mesyuarat EAS ECTF telah menghimpunkan Negara-Negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste serta sembilan negara peserta Sidang Kemuncak Asia Timur yang terdiri daripada negara Australia, China, India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Rusia, dan Amerika Syarikat untuk mengesahkan komitmen terhadap masa depan tenaga serantau yang mampan, selamat dan inklusif.

Perbincangan juga turut menilai kemajuan bidang kerjasama utama serta menekankan kepentingan penyelarasan inisiatif di bawah Pelan Tindakan

bagi Kerjasama Tenaga ASEAN (APAEC). Malaysia sebagai Pengerusi menegaskan terdapatnya keperluan memperkukuh kerjasama dalam integrasi tenaga boleh baharu, kesalinghubungan kuasa rentas sempadan, dan mekanisme pembiayaan inovatif di bawah APAEC 2026–2030.

Sementara itu, Mesyuarat Persediaan SOME+3 membincangkan kerjasama ASEAN bersama China, Jepun dan Republik Korea bagi memperkukuh usaha dalam keselamatan tenaga, peralihan tenaga bersih, serta pelaburan dalam projek tenaga boleh baharu. Mesyuarat turut mengulangi sokongan terhadap pelaksanaan Grid Kuasa ASEAN (*ASEAN Power Grid - APG*) dan platform kerjasama lain yang akan dibincangkan semasa AMEM-43.

Kedua-dua mesyuarat berakhir dengan komitmen bersama untuk memperkukuh kerjasama tenaga serantau dan memastikan kejayaan EAS EMM ke-19 serta AMEM+3 ke-22 yang akan datang.

Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, perbincangan ini mencerminkan tekad kolektif ASEAN untuk mencapai peralihan tenaga yang adil, inklusif dan mampan demi kemakmuran bersama, inovasi, serta penjagaan alam sekitar yang berterusan untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
15 OKTOBER 2025